

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

27. Nyatakan *timeline* untuk memperbaiki jubin-jubin yang tertanggal di flat Program Perumahan Rakyat (PPR) Padang Tembak.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Kerja-kerja pembaikan dinding lobi bagi kesemua sembilan (9) blok di Rumah Pangsa Padang Tembak telahpun diluluskan pada tahun 2020 melalui peruntukan Pembangunan P01. Pembaikan jubin yang tertanggal di ruang menunggu lif merupakan skop kerja yang terlibat dalam kerja-kerja pembaikan ini dengan anggaran kos yang terlibat adalah sebanyak RM150,000.00. Perolehan kerja ini dijangka dapat dimulakan pada akhir bulan April tahun ini dan akan dijalankan secara berperingkat di mana akan selesai sepenuhnya pada pertengahan bulan Oktober tahun ini.